

TALKING POINT

NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

**Y. BHG. BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN BIN
HUSSIN**

SEMPENA

ANUGERAH GEMILANG SISWA UniMAP 2012

15 MEI 2013

DEWAN KAPITOL, KANGAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan
Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Wakil-wakil media,

Para Penerima Anugerah

Deligasi Persatuan Mahasiswa Universitas Islam Sumatera Utara,
Indonesia,

Seterusnya para pelajar dan staf Universiti Malaysia Perlis yang
saya kasihi sekalian.

KATA-KATA ALUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T di atas limpah Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada malam Anugerah Gemilang Siswa 2012 ini bagi menghargai pencapaian mahasiswa UniMAP sepanjang tahun 2012 lalu.
2. Di kesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan tahniah yang tidak terhingga juga buat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni di bawah urus tadbir Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Madya Dr. Mohd Foa'd Sakdan

kerana telah berjaya menjelmakan majlis AGS 2012 dalam bentuk dan acuan yang cukup hebat hasil dedikasi semua pegawai dan kakitangan sokongan serta siswa siswi UniMAP secara keseluruhan.

3. Sesungguhnya usaha murni, iltizam yang tinggi dan penuh dedikasi yang ditunjukkan oleh semua pihak telah menzahirkan majlis Anugerah Gemilang Siswa 2012 pada malam ini dalam suasana yang cukup ceria dan meriah sekali. Tahniah sekali lagi buat semua.

ANUGERAH SERI GEMILANG (ASG)

Anak – anak sekalian

4. AGS 2012 merupakan satu majlis anugerah tahunan yang cukup berprestij buat semua pelajar UniMAP . Majlis yang sudah 9 tahun dianjurkan ini khusus bagi menghargai serta memberi pengiktirafan kepada mahasiswa UniMAP yang aktif serta berjaya dalam menaikkan nama UniMAP di peringkat negeri, Kebangsaan mahupun Antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti Sukan, Kebudayaan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Akademik, Inovasi dan Penyelidikan.

5. Bersesuaian dengan sambutan perayaan Sedekad UniMAP pada tahun lalu, AGS 2012 pada tahun ini juga telah memilih tema '**Sedekad Gemilang, Siswa Cemerlang**'.

Pemilihan tema ini dilihat amat bertepatan seiring dengan kegemilangan UniMAP dalam tempoh 11 tahun ini. Semua kejayaan yang kita kecapi kini pastinya tidak akan dicapai tanpa kehadiran mahasiswa yang hebat bukan sahaja dari aspek akademik, malah memiliki personaliti terpuji, rohani yang terpuji serta sayangkan UniMAP, dengan istilah yang lebih mudah '**Siapalah kami, tanpa Anda semua**'.

Kategori Anugerah AGS 2012

Anak-anak yang saya kasihi sekalian

6. Saya difahamkan seramai **162** orang penerima akan menerima anugerah pada malam ini dan mereka ini dinilai selepas melalui beberapa saringan di peringkat Pusat Pengajian masing-masing, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Pusat Sukan dan Pusat Ko-Kurikulum.

7. Pada AGS 2012 kali ini sebanyak dua kategori anugerah telah ditambah mengikut keperluan dan kehendak seiring dengan keperluan **stakeholder** UniMAP dan menjadikan **38** anugerah dipertandingkan berbanding **36** anugerah anugerah sahaja pada AGS 2011 yang lalu.

8. Antara perubahan-perubahan yang telah dibuat adalah dengan memperkenalkan kategori **Usahawan Siswa** bagi Individu dan Berkumpulan. Manakala satu lagi anugerah bagi kategori **Pengucapan Awam** juga telah diperkenalkan anugerah bagi berpasukan dan Individu. Saya yakin dengan bertambahnya anugerah pada kali ini akan dapat menaikkan semangat para mahasiswa untuk lebih aktif dalam menyertai pelbagai aktiviti bukan sahaja di peringkat universiti malahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

9. Pada malam ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan anda semua bahawa sesungguhnya dalam era yang semakin mencabar, semua mahasiswa harus menyedari keperluan mereka **untuk menjadi individu yang cukup berharga**. Berharga yang dimaksudkan di sini adalah seseorang yang bernilai tinggi mencakupi aspek pencapaian akademiknya, sahsiah, personaliti serta daya kepimpinan

yang tinggi. Percayalah jika saya katakan bahawa dari ratusan ataupun ribuan siswazah yang dikeluarkan setiap tahun sama ada daripada IPTA mahupun IPTS harus melalui satu fasa persaingan yang cukup getir di luar sana.

10. Persaingan ini bukan sahaja akan mencabar mental dan fizikal anda malah mampu memberikan pelbagai kesan jangka panjang sekira tiada persediaan yang sewajarnya dibuat. Di sinilah kita akan melihat peranan dan pentingnya keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti-aktiviti seperti Sukan, Kebudayaan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Akademik, Inovasi dan Penyelidikan sebagai satu proses persediaan yang dimaksudkan. Manakala anugerah pada malam ini sebenarnya hanya sebagai satu bentuk galakan kerana keterlibatan anda secara sukarela merupakan salah satu ramuan penting untuk anda bersaing di pasaran kerja kelak.

PENUTUP

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru agar semua mahasiswa agar menjadi lebih bersemangat lagi dan setiap detik yang berlalu harus dimanfaatkan dengan perjuangan kental tanpa mengenal erti penat atau putus asa bagi membolehkan anda semua terpilih menerima anugerah di masa akan datang.

12. Kepada yang terpilih menerima anugerah pula, jangan jadikan tahun ini sebagai tahun terakhir untuk menjejakkan kaki di pentas ini.

Sebaliknya, tanamkanlah di hati bahawa pentas ini milik anak-anak semua, dan mahu terus menaiki pentas ini saban tahun. InsyaAllah.

13. Akhir kalam, kepada semua penerima-penerima anugerah pada malam ini, Tahniah sekali lagi. Pada yang tidak berjaya, usahlah sedih sebaliknya teruslah berusaha lebih gigih untuk mencipta kejayaan dan rekod peribadi sendiri di luar sana.

Berjalan Kaki Hendak Ke Pekan

Pergi Ke Pekan Membeli Gelang

Pencapai Mahasiswa Harus Ditingkatkan

Agar UniMAP Sentiasa Gemilang

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh